

ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

BAHAGIAN V - PENDAKWAAN DAN PEWAKILAN

Seksyen 68. Peguam Syarie.

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), Majlis boleh menerima masuk mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Syariah.

(2) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan untuk-

- (a) mengadakan peruntukan bagi tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan masuk Peguam Syarie; dan

- (b) mengawal selia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syarie.

(3) Walau apa pun subseksyen (1)-

- (a) mana-mana anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau

- (b) mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971, boleh bertindak sebagai Peguam Syarie bagi mewakili mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah Syariah jika pihak itu boleh diwakili olehnya dalam mahkamah sivil menurut kuasa Akta Profesion Undang-Undang 1971 [*Akta 166*] tanpa anggota atau orang itu perlu diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), mana-mana orang yang telah diterima masuk menjadi seorang Peguam Syarie di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di mana-mana Negeri di Malaysia hendaklah diterima masuk sebagai Peguam Syarie bagi Negeri Melaka apabila permohonan dibuat olehnya kepada Majlis dengan menyertakan keterangan yang menunjukkan bahawa dia telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di Negeri lain itu.

(5) Seseorang yang sebaik sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa telah diterima masuk menjadi seorang Peguam Syarie di bawah Enakmen terdahulu hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, disifatkan telah diterima masuk menjadi seorang Peguam Syarie dan hendaklah berhak hadir di mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Syariah itu.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, tiada seorang pun, selain Peguam Syarie atau orang yang disebut dalam subseksyen (3), berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapannya.
